



Hala Tuju
KOPERASI MALAYSIA



3 Peranan SKM



7-9 Sektor Koperasi Negara Mampu Tingkat Taraf Hidup Masyarakat, Kukuh Ekonomi



4 Dasar Koperasi Negara



5-6 Koperasi Sumbang Kepada Pembangunan Ekonomi Negara



10-12 KPF jadi Tanda Aras Kejayaan Gerakan Koperasi di Malaysia



13-15 Kosiswa UiTM Ikon Baru Dalam Gerakan Koperasi



16-18 Koperasi Kampung Kilim Ubah Kehidupan Penduduk Kampung Kilim

Peranan SKM

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) adalah satu entiti yang telah diperbadankan pada 1 Januari 2008. SKM dahulunya dikenali sebagai Jabatan Pembangunan Koperasi Malaysia (JPK) dan telah wujud semenjak tahun 1922.

Fungsi :


- Menggalakkan serta mengekalkan kestabilan sektor koperasi;
- Menggalakkan dan mempromosikan pembangunan koperasi dan sektor koperasi yang kukuh dan teratur;
- Bertindak sebagai pemegang amanah dan untuk menguruskan apa-apa skim pembiayaan Islam atau kemudahan kredit yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia untuk koperasi;
- Menasihati Menteri mengenai semua perkara yang berhubungan dengan koperasi dan sektor koperasi;
- Menjalankan apa-apa fungsi di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain seperti yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan

yang disiarkan dalam Warta;

- Bertanggungjawab dalam memantau, menyelia dan mengawal selia koperasi dan sektor koperasi;
 - Memelihara nilai dan prinsip koperasi;
 - Mendaftar dan membatalkan pendaftaran koperasi;
 - Mengadakan persekitaran yang sesuai bagi koperasi menjalankan aktiviti.
- Apakah perkhidmatan-perkhidmatan utama yang ditawarkan SKM?
- Pendaftaran koperasi
 - Pembiayaan Tabung Modal Pusingan
 - Geran Bantuan Pembangunan Koperasi
 - Khidmat akaun dan Pengauditan
 - Khidmat nasihat perundangan



DASAR KOPERASI NEGARA



KOPERASI SUMBANG KEPADA PEMBANGUNAN EKONOMI NEGARA

Bersempena Hari Koperasi Antarabangsa 2012 peringkat kebangsaan pada 21 Julai.

KUALA LUMPUR, 19 Julai (Bernama) – Sambutan Hari Koperasi Negara peringkat kebangsaan akan diadakan pada 21 Julai ini. Namun bagi peringkat antarabangsa ia disambut pada setiap Sabtu minggu pertama bulan Julai.

Tarikh 21 Julai dipilih sebagai sambutan peringkat kebangsaan adalah bagi memperingati koperasi pertama "The Federated Malay States Posts and Telegraph Co-operative Thrift and Loan Society" yang didaftarkan pada 1922 di Taiping, Perak.

Kini, koperasi pertama ini dikenali sebagai Koperasi Kakitangan Telekom Malaysia Berhad atau KOTAMAS.

PERGERAKAN KOPERASI

Acara peringkat kebangsaan ini diadakan bertujuan memberi pengiktirafan kepada gerakan koperasi yang telah memberi sumbangan dalam pembangunan ekonomi negara serta menilai pencapaian gerakan koperasi dalam bidang ekonomi dan sosial

selaras dengan konsep, prinsip dan falsafah koperasi.

Menurut Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Datuk Md Yusof Samsudin, Hari Koperasi Negara (HKN) turut menjadi platform untuk mendapatkan idea-idea baru dalam usaha memperkukuhkan pengurusan, pentadbiran dan perniagaan koperasi selaras dengan Dasar Koperasi Negara.

Di samping itu ia bagi mewujudkan semangat kerjasama di kalangan koperasi.

Md Yusof berkata pada tahun ini, tema HKN 2012 adalah berdasarkan kepada tema tahun koperasi antarabangsa iaitu "Koperasi Membina Kesejahteraan Sejahtera", yang bersesuaian untuk memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai koperasi dan sumbangannya kepada pembangunan sosio ekonomi negara.

"Selama ini, pemahaman rakyat Malaysia terhadap koperasi adalah sebagai sebuah organisasi yang hanya memberi perkhidmatan semata-mata kepada anggota koperasi dan masyarakat melalui jualan produk dengan harga yang murah.

"Sebenarnya peranan koperasi juga

boleh dilihat melalui kebijakan yang diberikan kepada anggota koperasi dan masyarakat," katanya kepada Bernama di sini.

DANA

Md Yusof menjelaskan keuntungan yang diperoleh oleh koperasi digunakan untuk pembahagian tabung kebajikan seperti tabung pendidikan, bantuan kecemasan, biasiswa dan sebagainya.

"Ini yang dikatakan koperasi membina kesejahteraan sejagat iaitu dapat membantu masyarakat yang memerlukan bantuan. Dianggarkan lima juta anggota koperasi mendapat manfaat melalui tabung kebajikan ini," jelas beliau.

Selain itu, melalui tema ini juga dapat menggalakkan penubuhan dan perkembangan koperasi dalam kalangan individu dan institusi bagi memenuhi keperluan ekonomi bersama dan meningkatkan sosio ekonomi mereka.

Majlis perasmian ekspo dan pameran HKN disempurnakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pada 14 Julai di Bukit Jalil di sini.

SEJARAH KELAHIRAN

Disorot kembali 90 tahun yang lepas, koperasi diwujudkan untuk mengeluarkan anggota masyarakat daripada kancan kemiskinan, penindasan orang tengah, keberhutangan di kalangan petani dan penjawat awam.

Koperasi pada ketika itu, berjaya memainkan peranannya untuk mengatasi permasalahan yang dihadapi.

"The Ulu Langat Malay Co-operative Shop Society", yang ditubuhkan pada tahun 1936 boleh dianggap sebagai perintis kepada koperasi pengguna di negara ini.

Pada tahun 1950an, kerajaan telah menggalakkan penubuhan koperasi pengguna dengan tujuan untuk menstabilkan harga barangan keperluan utama dan mengawal pembekalan barangan makanan terutama ketika negara menghadapi Darurat. Menerusi galakan oleh kerajaan sebanyak 24 buah koperasi pengguna ditubuhkan sehingga akhir 1956.

PENAMBAHBAIKAN

Md Yusof menjelaskan, pencapaian gerakan koperasi negara sejak ia bertapak pada tahun 1922 telah menunjukkan peningkatan yang ketara.

"Bermula dengan hanya 11 koperasi kredit, bilangan koperasi pada tahun berkenaan telah meningkat

berlipat ganda kepada 9,600 koperasi," katanya.

Menurut beliau, koperasi kini lebih aktif dalam pelbagai sektor ekonomi termasuk pemborongan dan peruncitan, perladangan, perumahan, pelancongan, perkhidmatan, pengangkutan, pertanian dan industri asas tani.

"Dengan disokong lebih tujuh juta anggota koperasi, gerakan koperasi mampu mengumpul modal berjumlah RM10.49 billion dan daripada aktiviti perniagaannya pula berjaya menjana perolehan bernilai RM23.09 billion.

"Ini membuktikan gerakan koperasi terus menjadi penyumbang kepada ekonomi negara," katanya.

TRANSFORMASI

Sejajar dengan era transformasi ini, kerajaan sedang berusaha untuk mentransformasikan koperasi melalui Dasar Koperasi Negara (DKN) 2011-2012.

Melalui dasar ini perubahan akan dilakukan ke atas lanskap gerakan koperasi yang selama ini dianggap satu gerakan di luar bandar yang kecil dan bertumpu kepada perniagaan berben-tuk perkhidmatan sahaja.

Justeru itu, kerajaan berhasrat agar koperasi yang telah ditransformasikan menjadi suatu entiti perniagaan yang lebih besar serta mampu meningkatkan pendapatan anggota koperasi.

BANTUAN KEWANGAN

Kerajaan menurut Md Yusof, melalui SKM menyalurkan bantuan kewangan kepada koperasi dalam bentuk geran dan pinjaman.

"Bantuan kewangan ini bertujuan untuk membantu koperasi yang memerlukan pembiayaan untuk mengembangkan operasi perniagaan dan menjalankan aktiviti mereka," katanya.

Md Yusof berkata, terdapat dua kategori geran yang disediakan oleh SKM kepada koperasi iaitu Geran Pembangunan dan Geran Pelancaran.

"Geran Pembangunan diberikan kepada koperasi yang tidak berkemampuan bagi melaksanakan program pembangunan yang dirancang seperti geran pelancaran, geran untuk membangunkan produk, promosi dan pemasaran serta penyelidikan

dan pembangunan (R&D).

"Sementara itu, Geran Pelancaran dengan jumlah maksimum RM30,000 diberikan kepada koperasi untuk membangunkan infrastruktur asas perniagaan. Manakala geran bagi R&D sehingga RM300,000 boleh diberikan kepada koperasi," katanya.

Kerajaan juga menyediakan pinjaman mudah kepada koperasi dengan kadar keuntungan yang kompetitif iaitu Tabung Modal Pusingan.

"Tabung ini dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan dengan syarat mudah bagi membantu koperasi membangunkan perniagaannya.

"Lebih menarik lagi koperasi yang ingin menjalankan perniagaan yang berskala besar, tabung ini memberi kemudahan pinjaman sehingga RM10 juta," jelasnya. Tabung ini terbuka kepada semua koperasi yang berdaftar di bawah Akta Koperasi 1993.

KEDAI COOP 1 MALAYSIA

Pengenalan kedai Coop 1 Malaysia oleh SKM dengan kerjasama Fel-da Trading Sdn. Bhd. ke pasaran merupakan kesinambungan daripada kejayaan program Transformasi Kedai Runcit (Tukar) di kalangan koperasi.

Md Yusof menjelaskan kedai Coop 1Malaysia adalah satu program dan usaha kerajaan untuk membantu pengguna mendapatkan barang keperluan dengan harga yang lebih murah.

"Kini pengguna boleh membeli barangan keperluan dengan harga yang lebih murah di kedai Coop 1 Malaysia tetapi mempunyai kualiti yang sama dengan kedai runcit yang lain," katanya.

Kemudahan ini, menurut Md Yusof turut dinikmati oleh pengguna di Sabah dan Sarawak.

Sebanyak 71 jenis produk dengan jenama Coop 1Malaysia dijual di 500 kedai koperasi di seluruh negara.

"Pertambahan jenis produk ini dapat memberi banyak pilihan kepada pengguna apabila berbelanja," tambahnya lagi sambil menjelaskan sambutan terhadap jenama Coop 1Malaysia amat menggalakkan.

— BERNAMA



Sektor Koperasi Negara Mampu Tingkat Taraf Hidup Masyarakat, Kukuh Ekonomi

Oleh : Jenny Imanina Lanong dan Nabilah Saleh

KUALA LUMPUR, Disember (Bernama) -- Tahun ini menyaksikan sejarah tercipta di dalam sektor koperasi peringkat dunia apabila tahun 2012 diisytiharkan sebagai Tahun Koperasi Antarabangsa (International Year of Co-operatives 2012).

Pengisytiharan yang dibuat pada Disember 2009 oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) baru-baru ini telah menghimpunkan lebih 10,000 orang dan 200 pempamer serta penglibatan 45 buah negara di majlis penutupan IYC 2012 Manchester, United Kingdom.

IYC disasarkan untuk meningkatkan kesedaran awam tentang sumbangan yang tidak ternilai gerakan koperasi dalam mengurangkan kemiskinan, menyediakan

peluang pekerjaan dan mewujudkan integrasi sosial.

Mengetuai delegasi pegawai Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) ke acara dunia tersebut, Pengerusi Eksekutif SKM Datuk Md. Yusof Samsudin memberitahu, perhimpunan tersebut telah membuka mindanya ke arah satu paradigma baru yang sewajarnya diteladani oleh sektor koperasi negara.

Paradigma yang dimaksudkan berkisar rapat dengan kesedaran kurang memberangsangkan di kalangan rakyat Malaysia mengenai potensi koperasi walaupun di peringkat global gerakan koperasi telah diangkat sebagai salah satu sektor peneraju utama ekonomi dunia sebaris dengan sektor-sektor yang lain.

TINGKAT KESEDARAN, AMBIL CONTOH

Sejajar dengan pengisytiharan tersebut, Md. Yusof berkata kesedaran umum mengenai koperasi dan bagaimana ianya dapat memberi manfaat kepada anggota koperasi adalah sangat penting untuk dipertingkatkan.

"Masih ramai rakyat di negara ini yang tidak sedar akan sumbangannya terhadap pembangunan sosio-ekonomi negara.

Jika hendak dibandingkan dengan 'meriahnya' aktiviti koperasi di negara luar, sebagai salah sebuah negara yang mensasar untuk menjadi negara maju, Malaysia haruslah mengadaptasi apa yang



Datuk Md Yusof Samsudin.

telah dipraktikkan oleh koperasi di peringkat global,” katanya kepada Bernama.

Md Yusof menegaskan, sejauhnyanya beliau lihat semangat berkoperasi dalam negara perlu lebih aktif, komprehensif dan kompeten sepertimana aktif dan giatnya aktiviti berkoperasi di luar negara.

“Berdasarkan pemerhatian saya, masyarakat dunia mengiktiraf kegiatan koperasi sebagai sesuatu medium yang mampu mengubah kehidupan dengan mengurangkan kadar kemiskinan sekaligus menjadi peneraju ekonomi. Justeru, Malaysia juga harus menumpukan ke arah usahasama memajukan kegiatan koperasi ini,” katanya.

Md. Yusof menambah, semangat berkoperasi di negara luar juga jauh lebih ke hadapan dan berkembang pesat. Sebagai contoh, mereka mampu mewujudkan budaya berkoperasi dalam komuniti mereka sendiri tanpa melibatkan urusan dengan orang tengah.

“Di negara kita, masyarakat masih beranggapan penyertaan koperasi dalam ekonomi terbatas kepada aktiviti tradisi pinjam meminjam semata sekaligus mempengaruhi penglibatan individu untuk menyertai koperasi.

Justeru, kesedaran mengenai betapa pentingnya sektor koperasi negara ini adalah penting dipupuk dan dihebahkan,” jelasnya yang mengakui sektor koperasi negara menunjukkan peningkatan yang amat ketara sekali sejak bertapak pada tahun 1922.

REPLIKA BANDAR, PAMERAN JALANAN

Menjejak pencapaian gerakan koperasi negara sejak ianya dilancarkan, koperasi yang hanya bermula dengan sebuah koperasi kredit pada tahun 1922, kini bilangan koperasi yang berdaftar telah meningkat berlipat ganda kepada lebih 10,000 buah.

Penyertaan koperasi negara juga tidak terbatas kepada aktiviti tradisi pinjam meminjam, tetapi kini meliputi pelbagai sektor ekonomi termasuk pemborongan dan peruncitan, perladangan, perumahan, pelancongan, pengangkutan dan industri asas tani.

Dengan didokong lebih tujuh juta anggota pada hari ini, gerakan koperasi negara berjaya menjana perolehan melebihi RM23 bilion.

Hari Koperasi Negara (HKN) yang menjadi acara tahunan SKM juga merupakan antara medan utama SKM bagi mempromosikan konsep dan produk koperasi kepada rakyat, sekaligus menjadi pengantara bagi rakyat mendekati selok-belok perkembangan sektor koperasi.

Berpeluang untuk meninjau ruangan unik dan interaktif replika bandar koperasi serta pameran jalanan yang dipanggil ‘Co-Operative Living’ ketika berlangsungnya program IYC tersebut, Md Yusof memberitahu banyak input menarik yang diperoleh selain banyak pendedahan sivik yang boleh diketengahkan.

“Sepertimana HKN, ruang interaktif tersebut juga antara lain bertujuan untuk memberi kesedaran tentang kewujudan rangkaian koperasi di peringkat

global.

Dengan melihat sendiri Pameran ‘Co-Operative Living’ dengan lebih dekat, ternyata ianya mampu membuka mata dan minda pengunjung untuk menilai kepelbagaian dan skala pergerakan koperasi,” jelasnya.

Pameran ‘Co-Operative Living’ terbahagi kepada zon-zon berbeza seperti zon komersil, kediaman dan pertanian dengan setiap komponen menyediakan mesej menyeluruh mengenai koperasi di peringkat global serta contoh khusus keunikan koperasi.

Disertai oleh lebih 300 koperasi yang dianggarkan menjana pendapatan US\$1.6 trilion, kawasan tersebut juga terdiri daripada restoran, kafe, ladang, sekolah koperasi, bank dan banyak lagi yang mempamer kepelbagaian barangan dan perkhidmatan yang disediakan oleh koperasi.

Juga terdapat beberapa demonstrasi masakan antarabangsa di ruangan dapur terbuka oleh chef dengan menggunakan sumber daripada koperasi.

Ruang pameran tersebut, menurut Md Yusof jelas mencerminkan tahap kemajuan gerakan koperasi di luar negara.

Global300 Report yang dilancarkan oleh ICA baru-baru ini menyenaraikan 300 koperasi dengan keuntungan keseluruhan berjumlah USD 1.6 trilion, yang menyamai Keluaran Negara Kasar (KDNK) ekonomi yang ke sembilan terbesar di dunia.

“Gerakan koperasi di peringkat global telah terbukti berjaya dapat membangunkan sosio ekonomi masyarakatnya



dan kejayaan ini harus dijadikan platform oleh masyarakat kita agar yakin dengan pembangunan sektor koperasi negara,” katanya.

DASAR KOPERASI NEGARA

Sungguhpun kerajaan Malaysia telah mengiktiraf peranan dan sumbangan gerakan koperasi dalam pembangunan negara sejak dahulu lagi, itu tidak bermakna rakyat boleh beranggapan negara kini sudah berada di takuk selesa.

Md Yusof berkata pemberian dan anugerah Kerajaan selama ini yang banyak menggerakkan aktiviti koperasi juga tidak seharusnya terus-terusan menjadi suatu ‘budaya’.

“Ada juga yang berfikirkan koperasi ini hanyalah gerakan di luar bandar yang kecil dan tertumpu kepada perniagaan berbentuk perkhidmatan sahaja.

Justeru tanggapan sedemikian haruslah dihakis kerana hasrat Kerajaan kini jauh lebih besar, khususnya melihat kepada fungsi Dasar Koperasi Negara 2011 - 2020,” katanya.

Dasar Koperasi Negara 2011 - 2020, rentetan kepada dasar yang mula diperkenalkan pada 2002 ini merupakan suatu dasar yang menetapkan hala tuju yang jelas untuk gerakan koperasi memikul tanggungjawab yang lebih dalam agenda transformasi negara.

“Dasar ini diketengahkan bagi memberi nafas baru kepada gerakan koperasi untuk menarik koperasi keluar daripada kitaran zon selesa ke tahap yang baru.

Ianya dulu telah terbukti berperanan dalam agenda pembasmian

kemiskinan dan pengagihan kekayaan negara. Kini, sektor ini seharusnya terlibat dengan aktiviti baru dengan skala yang lebih besar agar koperasi menjadi satu entiti perniagaan yang lebih efisien dan mampu meningkatkan pendapatan anggotanya,” katanya.

Md Yusof menambah transformasi yang ingin dicapai kerajaan menerusi dasar ini telah diperincikan dengan menggariskan teras strategi prestasi petunjuk utama.

“Dasar ini akan beroperasi dalam suatu tempoh jangka masa yang panjang. Ini juga merupakan suatu lagi cabaran besar kerana dalam tempoh tersebut, pelbagai kemungkinan boleh mempengaruhi matlamat dasar.

Justeru, kerajaan menerusi Kementerianannya serta agensi-agensi yang bertanggungjawab seperti SKM berharap koperasi akan sentiasa berupaya memberi sumbangan signifikan terhadap pembangunan negara,” tambahnya lagi.

‘BLUEPRINT’ JADI PANDUAN

Jika Dasar Koperasi Negara menjadi nadi penggerak di peringkat nasional, sebuah ‘blueprint’ hala tuju koperasi 2011 - 2020 yang telah dilancarkan oleh Iktan Koperasi Antarabangsa (ICA) pada IYC 2012 juga mempunyai tujuan yang sama.

Menurut Md. Yusof, selaku badan bukan kerajaan (NGO) terbesar yang bertanggungjawab dalam menyatu dan memberi khidmat nasihat kepada 93 negara anggotanya termasuk Malaysia, ICA di dalam ‘blueprint’ tersebut antara lain menyentuh mengenai cabaran koperasi pada tahun 2020.

“Perancangan yang terkandung dalam ‘blueprint’ mendorong koperasi di seluruh dunia untuk lebih bersedia menjadi peneraju ekonomi, sosial dan persekitaran yang mapan.

Ini semua bagi memastikan koperasi dapat diterima sebagai satu entiti perniagaan dan enterprise yang berkembang dengan pesatnya” jelasnya.

Md. Yusof berkata, sungguhpun skop dan perincian perancangan ‘blueprint’ sedikit berbeza daripada Dasar Ekonomi Negara, tetapi potensi koperasi di setiap pelosok dunia mampu menjana ekonomi rakyat bergantung kepada pelaksanaan di negara masing-masing.

SERUAN

Selaras dengan perkembangan persekitaran yang dinamik dan kompetitif hari ini, koperasi juga perlu menangani keperluan modal dan teknologi sebagai salah satu cara menceburi sektor koperasi berskala besar.

Md. Yusof menjelaskan perubahan demi perubahan akan mula mengambil tempat, sesuai dengan mekanisme koperasi dunia.

“Di kesempatan yang ada ini, saya menyeru pada semua lapisan masyarakat supaya sama-sama melibatkan diri dalam koperasi.

Kita hendaklah berbangga menjadi koperasi kerana kita sebahagian daripada satu bilion anggota koperasi di seluruh dunia,”

Masyarakat dunia hari ini telah membuktikan koperasi mampu menaikkan taraf hidup dan berupaya memacu perkembangan ekonomi negara masing-masing.



Antara wakil delegasi Malaysia ke majlis penutupan IYC 2012 di Manchester, United Kingdom.



Tuan Haji Mazlan A Talib,
Ketua Eksekutif Koperasi Permodalan
Felda Malaysia Berhad.

KPF JADI TANDA ARAS KEJAYAAN GERAKAN KOPERASI DI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, (Bernama) – Dahulunya, peranan gerakan koperasi dalam pembangunan negara dipandang remeh oleh segelintir masyarakat. Rata-rata akan beranggapan bahawa penyertaan koperasi dalam ekonomi terbatas kepada aktiviti tradisi pinjam meminjam semata.

Mentaliti sebegini perlu diubah kerana pada masa kini gerakan koperasi telah mengorak langkah dengan menceburi pelbagai aktiviti ekonomi antaranya perbankan, kredit, pertanian perumahan, perindustrian, pembinaan, pengangkutan dan perkhidmatan.

Malahan kerajaan juga mengiktiraf gerakan koperasi dengan meletakkan sektor tersebut sebagai penyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dengan sasaran dari lima peratus pada 2013 kepada 10 peratus menjelang 2020.

Selain itu, kerajaan juga sedang berusaha mentransformasikan koperasi kepada suatu entiti perniagaan yang lebih besar serta mampu meningkatkan

pendapatan anggotanya.

Transformasi sektor koperasi ini mampu dilihat pada pencapaian cemerlang Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad (KPF).

KPF merupakan antara 9,476 koperasi yang berdaftar dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) yang telah berjaya membuktikan keupayaannya melalui pelbagai pencapaian cemerlang.

PENUBUHAN KPF TANDA PERIHATIN TERHADAP PENEROKA FELDA

Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad atau lebih dikenali dengan nama singkatannya KPF ditubuhkan pada 1 Julai 1980 di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 dengan nombor pendaftaran Koop Negara No. 39.

Penubuhan KPF adalah hasil inisiatif daripada Lembaga Felda yang bermesyuarat pada 1980 dan mencadangkan bahawa Felda perlu menubuhkan koperasi untuk

kepentingan warga peneroka dan petugas Felda.

Menurut Ketua Eksekutif Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad, Tuan Haji Mazlan A Talib, penubuhan KPF pada dasarnya adalah untuk menjadikan KPF sebagai wadah simpanan dan pelaburan anggota warga Felda.

“Penubuhan KPF ini telah memberi peluang kepada peneroka untuk berkongsi kekayaan yang akan diperolehi oleh Felda dengan turut serta memiliki ekuiti dalam syarikat-syarikat yang ditubuhkan Felda pada masa itu,” katanya kepada Bernama.

Malahan menurut Mazlan penubuhan KPF juga merupakan tanda keperihatinan pengurusan Felda dan kerajaan terhadap kemajuan warga Felda keseluruhannya. Oleh itu kejayaan yang diperolehi dari syarikat-syarikat Felda dapat dikongsi bersama antara kerajaan dan warga peneroka yang menjadi penyokongnya.

BILANGAN ANGGOTA

Berhubung dengan keahlian, Mazlan berkata bilangan anggota yang menyertai KPF menunjukkan peningkatan yang ketara. Pada tahun 2007, KPF dianggotai kira-kira 186,000 ahli dan meningkat kepada 196,000 ahli pada tahun 2008 iaitu lebih kurang 10,000 penambahan ahli setahun. “Kemampuan KPF mempertahankan pulangan dividen kepada anggota antara 10 peratus ke 15 peratus terus menarik minat warga Felda terutama generasi baru peneroka untuk bersama menyertai menjadi anggota KPF.

Dengan penyertaan aktif daripada peneroka dan kakitangan serta polisi Felda yang sentiasa menyokong usaha KPF, sehingga Ogos tahun ini keanggotaan KPF terus melonjak kepada lebih 254,000 anggota, dengan pemilikan modal syer mencecah kepada RM2.1 bilion. Nilai aset turut berkembang kepada RM2.9 bilion,” katanya.

Mengulas mengenai kelayakan untuk menjadi ahli dalam KPF, Mazlan berkata individu tersebut perlulah terdiri daripada keluarga peneroka dan keluarga kakitangan Felda dimana mereka adalah berjawatan tetap dalam Felda.

PELABURAN FOKUS UTAMA

Jika koperasi tradisional menjalankan perniagaan runcit sebahagian aktiviti utama, berlainan dengan KPF. Menurut Mazlan fokus utama KPF adalah membuat pelaburan di dalam aktiviti ekonomi yang mampu menjana pendapatan dan pulangan stabil kepada ahli-ahlinya.

“Aktiviti pelaburan KPF mencakupi pelbagai sektor antaranya perkhidmatan, kepenggunaan, hartanah, pembinaan, kewangandan lain-lain,” katanya. Sebagai contoh, katanya, KPF telah melantik KPF Saudi Global Limited iaitu anak syarikat kumpulan KPF Holding untuk mengurus aset hartanah KPF yang ada di Mekah.

“KPF telah menyewa sebuah hotel di Mekah yang dinamakan Dar Um Hane yang terdiri daripada 11 tingkat bangunan dan dilengkapi 97 bilik. Hotel ini terletak kira-kira 300 meter dari Masjidil Haram,” katanya lagi sambil menambah bahawa KPF sentiasa mencari peluang perniagaan yang berpotensi memberi pulangan kepada ahli-ahlinya. Selain KPF Saudi Global Limited, KPF turut mempunyai anak syarikat yang terlibat dalam industri ternakan ayam telur.

“Ladang telur ayam yang diuruskan KPF Farming Sdn Berhad mampu membuat pengeluaran 180,000 ke 190,000 biji telur sehari,” katanya. Menurut Mazlan KPF juga mempunyai 52 kaunter aktif di Bursa Malaysia untuk menjalankan

aktiviti jual beli saham. Jumlah pelaburan KPF di Bursa Malaysia dianggarkan bernilai RM600 juta. Selain itu, KPF juga membuat pelaburan di beberapa syarikat misalnya memegang 20 peratus ekuiti dalam syarikat Power Root, 20 peratus ekuiti dalam Malayan Sugar Manufacturing (MSM) serta beberapa syarikat lain.

Dalam pada itu, KPF juga turut menerokai peluang perniagaan di negara jiran antaranya di Indonesia. “KPF melihat peluang perniagaan yang cukup luas di Indonesia. Pada masa ini, KPF bekerjasama dengan P.T Malindo Feedmill iaitu sebuah syarikat yang menjalankan perniagaan penyediaan makanan ternakan ayam dan lembu,” katanya sambil menambah bahawa KPF sedang meneliti peluang perniagaan lain yang dirasakan berpotensi untuk diterokai.


PENCAPAIAN CEMERLANG

Mengulas mengenai kejayaan KPF, untuk berada pada tahap sekarang, menurut Mazlan ianya bukan satu perjalanan yang mudah.

Namun berkat usaha keras, perancangan yang jitu serta sokongan daripada ahli-ahlinya, kini setelah 32 tahun berjuang, dan pelbagai kejayaan ditempa telah meletakkan KPF pada satu tahap yang membanggakan.

Pada tahun 2011, KPF telah meraih dua pengiktirafan di atas kecemerlangannya iaitu Anugerah Pertama Koperasi Cemerlang (Kluster Besar) 2011 dan penarafan sebagai Koperasi 5 Bintang 2011 oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

“Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) telah memberikan pengiktirafan lima (5) bintang kepada KPF berdasarkan kaedah penilaian flame-t yang merangkumi



Ladang telur ayam yang diuruskan KPF Farming Sdn Berhad mampu membuat pengeluaran 180,000 ke 190,000 biji telur sehari.





Southgate Sg Besi.

penilaian dalam aspek kewangan, likuiditi, aset, pengurusan dan teknologi maklumat,” katanya.

Secara statikalnya KPF mengungguli sebagai koperasi kedua yang mempunyai bilangan anggota teramai, modal syer dan nilai aset terbesar selepas Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (Bank Rakyat).

Berkenaan kerjasama KPF dengan bank-bank kopersilainnya, Mazlan berkata, pada masa ini KPF mempunyai RM51 juta syer dalam Bank Rakyat dan merupakan koperasi yang mempunyai syer terbesar di Bank Rakyat.

“KPF juga merancang untuk bekerjasama dengan bank persatuan. Usaha ke arah itu telah dilakukan dengan meletakkan kira-kira RM1 juta syer di bank persatuan,” katanya.

Mazlan berkata, kemampuan KPF memberikan pulangan yang tinggi kepada ahli-ahli koperasi merupakan kejayaan terbesar KPF. Pada tahun 2007, KPF telah membuat pembayaran dividen sebanyak 16.5 peratus, 12.5 peratus pada 2008, 14 peratus pada 2009, 15 peratus pada 2010.

Pada tahun lepas sebanyak 18 peratus atau kira-kira RM340.1 juta dividen dibayar kepada ahli-ahli koperasi dan jumlah perolehan KPF bagi tahun tersebut dianggarkan sebanyak RM691 juta.

PERANCANGAN UTK TERUS BERKEMBANG

Mazlan berkata, KPF kini dalam proses membuat penyusunan semula operasi

perniagaannya bagi memperkukuhkan lagi KPF. Penyusunan semula itu juga bertujuan memenuhi beberapa tuntutan antaranya hasrat kerajaan supaya KPF menjadi bank koperasi selain daripada Bank Rakyat dan Bank Persatuan. “Usaha ke arah itu diminta untuk dilaksanakan pada 2013 dan seterusnya pada 2018 KPF menjadi sebuah bank koperasi,” katanya. Menurut Mazlan, susulan itu, KPF kini mula menjalankan perbankan runcit. Di bawah perbankan runcit, KPF menjalankan aktiviti pengambilan deposit daripada ahli dan syarikat-syarikat koperasi.

Selain itu, KPF juga menjalankan pembiayaan patuh Syariah yang menawarkan pembiayaan peribadi, pembiayaan umrah, pembiayaan pembelian kenderaan iaitu untuk motosikal dan pembiayaan korporat.

“Pembiayaan korporat bertujuan untuk membantu ahli koperasi dan syarikat-syarikat di bawah KPF untuk mendapatkan modal berniaga,” kata Mazlan. Pada tahun depan, KPF merancang membuka pajak gadai Islam Ar-Rahnu. Menjelang 2013 sehingga 2014, KPF memperuntukkan RM80 juta untuk membuka 15 cawangan pajak gadai Islam Ar-Rahnu.

Menyedari sektor peladangan mampu memberi pulangan yang menguntungkan maka KPF merancang untuk memiliki ladang sawit dan getah sendiri dan sedang aktif mencari kawasan dan membuat perundingan dengan pemilik tanah untuk tujuan tersebut.

“Bagi KPF menjalankan aktiviti perladangan merupakan satu pelaburan yang selamat untuk jangka masa panjang dan

berpotensi besar,” kata Mazlan.

KPF turut mempelbagaikan aktiviti pelaburannya dengan menerokai bidang hartanah. Kini KPF telah memiliki beberapa aset hartanah antaranya The Icon di Jalan Tun Razak, Southgate di Sg Besi dan dalam masa yang samase-dangmembangunkan hotel di Bangi yang mempunyai 300 bilik hotel dan 200 bilik apartmen yang dijangka dapat disiapkan menjelang 2014.



The Icon, Jalan Tun Razak.

PENGLIBATAN GENERASI BARU DALAM KOPERASI

Mazlan berkata kesedaran untuk melibatkan diri dalam aktiviti koperasi perlu disemai di kalangan generasi muda pada peringkat sekolah lagi. “Sekiranya mereka memahami konsep berkoperasi, barulah mereka berminat untuk melibatkan diri dalam aktiviti koperasi selepas tamat sekolah,” katanya sambil menambah bahawa usaha bagi memupuk kesedaran berkoperasi bukanlah sesuatu yang mudah dan mampu diperolehi dalam masa yang singkat.

Menurut Mazlan, ahli koperasi perlu mempunyai pandangan bahawa pelaburan merupakan salah satu sumber pendapatan. Dalam koperasi, ahli-ahli perlu melabur untuk mendapatkan manfaat dan keuntungan.

Kejayaan dan pelbagai pencapaian yang telah diraih oleh KPF diharapkan mampu memberi kesedaran dan suntikan semangat kepada generasi baru untuk turut serta dalam aktiviti koperasi.



Kosiswa UiTM Ikon Baru Dalam Gerakan Koperasi

Oleh Jenny Imanina Lanong

SHAH ALAM, 2 Ogos (Bernama) – Gerakan koperasi di Malaysia menyaksikan perubahan yang ketara sejak beberapa tahun lepas termasuk penyertaan meluas daripada generasi muda.

Penyertaan generasi muda adalah penting dalam meningkatkan dan memastikan pertumbuhan koperasi kepada satu tahap yang lebih tinggi dalam negara.

Oleh itu, usaha yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk menarik lebih ramai generasi muda dalam membangunkan koperasi bukanlah sesuatu yang baru.

Malahan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah menggariskan bidang keusahawanan sebagai program kritikal agenda kerana ia dikenalpasti sebagai signifikan dalam membantu meningkatkan kebolehpasaran siswazah.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dalam masa yang sama menyeru golongan siswa supaya menjadi peneraju dan penggerak kepada perubahan landskap gerakan koperasi negara kepada satu tahap yang lebih tinggi.

Menyahut seruan tersebut, Universiti Teknologi Mara (UiTM) telah menubuhkan Koperasi Siswa UiTM Selangor Berhad (Kosiswa).

KOSISWA UITM SELANGOR BERHAD

Kosiswa ditubuh dan didaftarkan di bawah SKM pada 26 Mac, 2011 dan menjalankan perniagaan runcit yang dikendalikan oleh pelajar dan anggota Kosiswa.

Menurut penasihat Kosiswa UiTM Selangor Berhad, Prof. Madya Dr Jamalunlaili Abdullah, pergerakan koperasi itu di UiTM dimulakan di kampus induk di Shah Alam dan ke-

mudian ditambah dua lagi di kampus cawangan di Terengganu dan Pulau Pinang.

“Berdasarkan rekod terbaru hampir kesemua kampus cawangan telah mempunyai Kosiswa. Tujuh sudah mendapat sijil daftar daripada SKM. Jadi sekarang UiTM mempunyai bilangan Kosiswa yang terbanyak”, katanya dalam satu temuramah eksklusif bersama BERNAMA baru-baru ini.

Dr Jamalunlaili berkata pada akhir tahun ini disasarkan semua kampus UiTM mempunyai koperasi sendiri dan koperasi tersebut akan dinamakan mengikut negeri masing-masing. Contohnya di Selangor dinamakan Kosiswa UiTM Selangor Berhad sementara di Pulau Pinang dinamakan Kosiswa UiTM Pulau Pinang Berhad begitu juga dengan koperasi di negeri lain.

“Pada masa ini Kosiswa UiTM Selangor Berhad menjalankan perniagaan runcit dengan membuka

kedai Siswa Save. Untuk membuka kedai ini, UiTM telah mendapat dana sebanyak RM80,000 daripada KPT.

Menurut Dr Jamalunlaili, dana untuk membuka SiswaSave daripada KPT itu adalah hasil bantuan daripada Kosisma iaitu Gabungan Koperasi Siswa Malaysia Berhad. Kosisma ditubuhkan atas inisiatif Majlis Keusahawanan Mahasiswa Universiti-Universiti Malaysia (MAK-MUM). Terdapat lima universiti yang telah mendapat bantuan tersebut dan UiTM satu daripadanya.

“Untuk kampus lain, mereka akan memohon daripada KPT. Baru-baru ini pihak SKM telah mengumumkan bahawa mereka akan membantu setiap universiti sebanyak RM30,000 sebagai modal”, katanya.

SAMBUTAN PELAJAR

Menurut Dr Jamalunlaili, sambutan

dalam kalangan pelajar bagi melibatkan diri dalam gerakan koperasi sungguh menggalakkan.

Setakat ini, Kosiswa Selangor mempunyai 154 anggota yang berdaftar. Namun jumlah tersebut dijangka akan bertambah berdasarkan maklumbalas positif pelajar semasa siri jelajah dijalankan.

“Ramai pelajar yang berminat untuk mendaftar dan melabur, namun banyak yang perlu dilakukan untuk mendedahkan golongan siswa kepada aktiviti koperasi. Mereka perlu masa untuk memahami konsep pelaburan menerusi koperasi”, jelas beliau.

“Jika dahulu, para siswazah dilarang melibatkan diri dalam bidang perniagaan semasa belajar tapi sekarang penglibatan mereka dalam bidang keusahawanan sangat digalakkan”, katanya.

Setiap anggota perlu membayar yuran pendaftaran sebanyak RM20

dan memulakan pelaburan minimum RM100.

GALAKKAN PENGLIBATAN LEBIH RAMAI SISWAZAH

Dr Jamalunlaili berkata pihak pengurusan Kosiswa telah mengenalpasti dan menggariskan beberapa strategi penting untuk menarik minat golongan siswazah melibatkan diri dengan gerakan koperasi.

“Satu daripada strateginya ialah semasa kemasukan pelajar baru, Penolong Naib Canselor Keusahawanan akan memberi taklimat mengenai program keusahawanan termasuklah mengenai Kosiswa”, katanya.

Anggota Lembaga Koperasi (ALK) dan anggota-anggota juga akan mengedar borang kepada pelajar yang berminat.

Selain itu, terdapat kelab-kelab keusahawanan seperti Teknopreneur, Kelab Usahawan dan Kelab Usahawan Siswazah Tani (MYAGROSIS) di mana Kosiswa boleh mendapatkan anggota baru.

Menurut Dr Jamalunlaili, satu daripada cara terbaru yang dijangka dilaksanakan tidak lama lagi hasil kerjasama dengan Fakulti Pengurusan Perniagaan ialah mewajibkan semua pelajar program Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan (Kepujian) Keusahawanan mendaftar sebagai anggota Kosiswa dan Kosiswa akan mendapatkan tempat untuk mereka berniaga di fakulti sebagai latihan amali.

PERANCANGAN UNTUK KOSISWA

Dr Jamalunlaili berkata fokus Kosiswa pada masa ini adalah kedai SiswaSave. Kosiswa dalam peran-

cangan untuk mengembangkan kedai SiswaSave di setiap kolej kediaman pelajar UiTM Shah Alam serta ke kampus cawangan di Selangor.

“Kosiswa juga dalam perancangan untuk mengeluarkan produk sendiri. Pada masa ini, pihak Kosiswa telah mengenalpasti graduan dari program keusahawanan, Tunas Mekar, menyalurkan bekalan produk kepada Kosiswa.

“Graduan berkenaan akan menanam dan menghasilkan jem strawberi dan Kosiswa akan memasarkan produk tersebut di kedai SiswaSave”, katanya.

Menurut Dr Jamalunlaili, Kosiswa juga dalam perancangan untuk menghasilkan produk sendiri melalui program “Satu Kolej Satu Produk”. Antara produk yang dikenalpasti ialah produk kecantikan, bingkai gambar dan beberapa produk lain yang diperlukan oleh golongan siswa.

“Pada masa ini produk yang dijual di SiswaSave diperoleh daripada pemborong. Pendekatan sebegini akan diteruskan sehingga koperasi dapat menghasilkan produk sendiri yang boleh dijual di SiswaSave.

Sementara itu, Naib Pengerusi Kosiswa UiTM Selangor Berhad Mohammad Farid Abd Rahman berkata pada masa ini Kosiswa juga menjalankan beberapa aktiviti perniagaan antaranya program Pembangunan Usahawan Koperasi (PuPUK).

“Melalui program PuPUK, Kosiswa akan melatih pelajar yang juga anggota koperasi untuk menjadi usahawan dengan memberi peluang perniagaan kepada mereka”, katanya.

Mohammad Farid berkata melalui program ini, usahawan akan diberikan khidmat nasihat dan dise-

diakan ruang untuk berniaga namun bajet untuk berniaga haruslah disediakan sendiri oleh pelajar.

“Setakat ini, empat pelajar telah dibantu oleh Kosiswa. Untuk perancangan selanjutnya, Kosiswa berharap akan mewujudkan lebih ramai usahawan melalui program PuPuk”, kata Mohammad Farid.

Kosiswa juga merancang untuk menyediakan kemudahan yang lebih luas untuk anggota koperasi dan mempelbagaikan cabang perniagaan seperti bertindak sebagai perunding perniagaan kepada pelajar.

PRESTASI CEMERLANG

Walaupun baru setahun beroperasi, namun kedai SiswaSave ini telah menunjukkan prestasi cemerlang daripada segi penjualan ataupun pendapatan bulanan.

Dr Jamalunlaili berkata, jumlah jualan sehari di kedai SiswaSave mencecah RM5,000 hasil daripada pengurusan yang begitu baik oleh pelajar.

“Pada Mei sahaja hasil jualannya sebanyak RM59,000. Sepanjang tempoh enam bulan beroperasi, kedai SiswaSave telah menjana pendapatan berjumlah RM250,000. Ini baru hasil jualan dari satu kedai sahaja”, katanya lagi.

Berdasarkan prestasi dan pengurusan yang cemerlang, perancangan yang baik dan tersusun serta maklumbalas positif di kalangan golongan siswazah, pihak pengurusan Kosiswa yakin gerakan koperasi di UiTM mampu menempah pelbagai lagi kejayaan dan mampu menjadi ikon dalam gerakan generasi baru koperasi.

— BERNAMA

Anggota Lembaga Koperasi sedang meneliti produk-produk yang dijual di kedai SiswaSave. Walaupun baru setahun beroperasi, namun kedai SiswaSave ini telah menunjukkan prestasi cemerlang daripada segi penjualan ataupun pendapatan bulanan. Foto: Azman Firdaus

Koperasi Komuniti Kampung Kilim Ubah Kehidupan Penduduk Kampung Kilim

LANGKAWI, (Bernama) – Suatu ketika dahulu, penduduk Kampung Kilim di sini rata-ratanya bergantung kepada hasil tangkapan laut sebagai mata pencarian mereka.

Pendapatan mereka sebagai nelayan ketika itu hanyalah cukup untuk menampung keperluan mereka.

Atas kesedaran untuk mengubah nasib mereka dan memastikan anak cucu mereka mendapat kehidupan yang lebih baik, kumpulan nelayan itu telah mengambil inisiatif untuk menerokai bidang perniagaan yang ada kaitannya dengan kehidupan mereka sebagai nelayan dan juga daripada kepesatan industri pelancongan di Langkawi.

Bermula Ogos 2010, seramai 80 nelayan telah menubuhkan Koperasi Komuniti Kampung Kilim Langkawi Berhad dengan perniagaan pertama mereka menguruskan bot-bot untuk pelancong mengelilingi Kilim Geoforest Park Langkawi dan kawasan sekitarnya.

USAHA NELAYAN CARI SUMBER PENDAPATAN TAMBAHAN BERMULA SEJAK 2000

Pengerusi koperasi itu Ahmad Nizar Hanapiah berkata usaha mereka ke arah penubuhan koperasi itu sebenarnya telah bermula sejak tahun 2000 lagi bermula dengan Komuniti Pengurusan Sumber Perikanan (KPSP) menerusi idea Jabatan Perikanan.

Katanya di bawah KPSP mereka dipertanggungjawabkan oleh Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) untuk menguruskan jeti dan pengutip sewa.

Beliau berkata **Ahmad Nizar Hanapiah, Pengerusi Koperasi komuniti Kg Kilim.**



Bermula Ogos 2010, seramai 80 nelayan telah menubuhkan Koperasi Komuniti Kampung Kilim Langkawi Berhad dengan perniagaan pertama mereka menguruskan bot-bot untuk pelancong mengelilingi Kilim Geoforest Park Langkawi dan kawasan sekitarnya.

pada 2008 mereka menubuhkan sebuah syarikat enterprise tetapi Lada telah menasihatkan mereka supaya enubuhkan koperasi untuk memudahkan mereka mewujudkan lebih banyak peluang perniagaan.

“Pada 2010 koperasi ini ditubuhkan dengan 80 ahli yang semuanya nelayan. Kami mula beroperasi pada 1 Jan 2011. Tujuannya hanya satu untuk menaikkan taraf penduduk tempatan. Apatah lagi Kilim merupakan sebahagian daripada Langkawi Geopark,” katanya kepada Bernama ketika ditemui di Jeti Kilim di sini.

PERKHIDMATAN BOT PELANCONG BERMULA HANYA DENGAN TIGA BOT

Katanya pada mulanya perkhidmatan bot untuk pelancong hanyalah secara kecil-kecilan bermula dengan hanya tiga bot tetapi kini sudah ada 80 bot bagi membawa pelancong melihat kawasan paya bakau termasuk melawat Gua Kelawar, sangkar ikan dan melihat burung helang.

“Sambutan yang diterima adalah sangat menggalakkan terutama pada musim cuti sekolah. Kadang-kadang 80 bot ini tak cukup. Rekod perjalanan pernah lebih 300 trip sehari. Kami tak dapat penuhi semua permintaan,” katanya sambil menambah tahun lepas, pengunjung ke Kampung Kilim sahaja kira-kira 200,000 orang.

Perkhidmatan bot yang ditawarkan adalah untuk tempoh satu jam hingga empat jam dengan bayaran antara RM200 hingga RM500 sebuah bot.

Apa yang menarik perkhidmatan membawa pelancong oleh bot ini disediakan oleh ahli-ahli koperasi sendiri dengan koperasi hanya bertindak sebagai pentadbir keseluruhan.

“Penubuhan koperasi ini adalah untuk membantu ahli jadi biarlah ahli yang menjadi ahli perniagaan,” katanya.

PENDAPATAN NELAYAN MENINGKAT BANYAK DENGAN ADANYA KOPERASI

Katanya sebelum koperasi diwujudkan pendapatan penduduk Kampung Kilim sebagai nelayan tidak menentu dengan secara puratanya antara RM600 hingga RM800 sebulan.

Dengan ada perkhidmatan bot pelancong mereka boleh menambah pendapatan sebagai jurumudi bot yang boleh mencapai RM1,800 sebulan.

Bagi anggota yang memiliki bot mereka boleh memperoleh lebih RM2,000 dan boleh mencapai RM10,000 pada musim cuti.

Ahmad Nizar berkata selain bot, koperasi telah memperluaskan aktiviti perniagaan dengan mewujudkan rumah-rumah ikan untuk tempat memancing selain mewujudkan restoran terapung yang menyediakan makanan laut yang segar serta kedai menjual cenderamata, yang kesemuanya dikendalikan oleh ahli koperasi.

“Kini ahli-ahli kami daripada nelayan yang pendapatan tidak seberapa, sudah menjadi pengusaha bot pelancongan dan pemilik restoran. Malah ada yang menca-



Pelancong dibawa menyelusuri Sg Kilim untuk menikmati keindahan pemandangan paya bakau, Gua Kelawar, sangkar ikan dan melihat burung helang.

pai tahap agensi pelancongan,” katanya.

PELUANG PEKERJAAN UNTUK ANAK MUDA KAMPUNG KILIM

Katanya selain itu, kewujudan koperasi itu sebenarnya telah mewujudkan banyak peluang pekerjaan kepada anak-anak muda di kampung yang mempunyai kira-kira 1,700 orang penghuni itu.

“Takde anak-anak di kampung ini yang takde kerja. Ada anak kampung ini yang pelajarannya tak tinggi, tetapi kesan aktiviti membawa bot pelancong itu mereka kini fasih Bahasa Inggeris dan ada yang boleh berbahasa Arab apabila kedatangan pelancong Arab semakin meningkat,” katanya sambil menambah penduduk kampung yang terlibat dengan pelancong turut menjalani kursus yang disediakan Kementerian Pelancongan.

Beliau berkata menyedari akan kepesatan industri pelancongan di pulau peranginan ini, koperasi itu mahu terlibat dengan lebih aktif dalam industri pelancongan.

“Kami nak berkembang lagi... semua perancangan ke arah

pelancongan. Kami kini dalam proses membeli tanah seluas kira-kira 0.2 hektar untuk membina pusat penginapan. Pengunjung bot pelancong ramai jadi lebih baik kalau kami dapat sedia tempat penginapan sekali. Kami juga mahu ada pasaraya sendiri,” katanya.

MASIH PERLUKAN BANTUAN AGENSI KERAJAAN

Ahmad Nizar berkata koperasi itu masih baru, dan kejayaan yang mereka capai ketika ini banyak dibantu oleh jabatan dan agensi kerajaan seperti Lada, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Jabatan Perikanan dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia.

“Kami sebenarnya masih baru sebab itu kita perlu berhubung seperti dengan SKM. Kami tiada pakar di kalangan kami dan belum mampu untuk mengambil pakar jadi kami perlukan bantuan-bantuan daripada pihak berkaitan,” katanya.

Katanya kejayaan koperasi itu

sehingga kini disebabkan oleh kerjasama yang sedia terjalin antara penduduk kampung itu yang sama-sama membantu untuk menaikkan taraf kehidupan penduduk kampung.

“Kami sama-sama bangunkan dan semua ahli beri sokongan. Begitu juga penduduk kampung,” katanya.

Sementara itu, seorang ahli koperasi itu yang enggan dikenali berkata idea bagi mewujudkan perkhidmatan bot untuk pelancong bermula apabila seorang nelayan kampung itu cuba menggunakan botnya itu untuk membawa pelancong terutama pelancong asing.

“Dia membersihkan botnya supaya kelihatan lebih menarik dalam usaha menambah pendapatannya. Ia membuahkan hasil. Usaha kemudian diteruskan oleh nelayan-nelayan lain sehinggalah mencapai tahap seperti hari ini,” katanya. – BERNAMA



Kilim Geoforest Park mempunyai landskap batu kapur yang unik dan antara yang terindah di dunia.